

Imbang keselamatan negara, kebebasan rakyat
Utusan Online
17 April, 2012

KUALA LUMPUR 16 April - Pembentangan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 membuktikan keberanian kerajaan Barisan Nasional (BN) menghapuskan undang-undang lapuk yang mampu mengimbangi tuntutan memelihara keselamatan negara serta hak kebebasan rakyat.

Sambil menyifatkannya sebagai satu lakaran sejarah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, **Khairy Jamaluddin (BN-Rembau)** berkata, pembentangan rang undang-undang itu membuktikan kerajaan BN tidak pernah berkompromi dalam soal keselamatan kerana ia amat berkaitan dengan hak menjaga kepentingan rakyat.

Berbanding dengan pihak pembangkang, beliau berkata, komitmen mereka hanya untuk menghapuskan ISA seperti mana disebut di dalam buku jingga tetapi tidak pula menyatakan langkah-langkah untuk menjaga keselamatan negara.

"Jika ini yang berlaku, apa hal pula dengan keselamatan negara. Nampaknya pihak pembangkang begitu lemah apabila menyentuh soal keselamatan negara. Mereka hanya mahu hapuskan ISA tetapi tidak pula memperkenalkan satu undang-undang yang mampu melindungi keselamatan negara.

"Inilah bezanya antara kerajaan BN dan pembangkang. Kita tahu ISA tidak lagi sesuai namun kita masih memerlukan satu undang-undang lain agar keselamatan negara kita sentiasa terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan pembentangan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu ketika memberi reaksi terhadap celahan **N. Gobalakrishnan (Bebas-Padang Serai)**, Khairy berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) sebenarnya cemburu dengan langkah Perdana Menteri menghapuskan ISA.

"Jika kita mendengar ucapan Ketua Pembangkang sebentar tadi, kita lihat bagaimana beliau terkapai-kapai untuk mencari relevannya dalam kita membentangkan rang undang-undang pada hari ini.

"Ini disebabkan adanya perasaan cemburu dan dengki. Disebabkan begitu lama, beliau mengidamkan dan mengimpikan bahawa beliaulah yang akan membatalkan dan menghapuskan ISA tetapi terlakar dalam sejarah negara kita bahawa yang menghapus dan membatalkan ISA adalah kerajaan BN," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy berkata, walaupun ISA terpaksa dihapuskan ekoran tuntutan zaman, undang-undang tersebut tetap mempunyai jasa yang amat besar terhadap negara ini untuk menjaga keselamatan negara.

"Kita akui ada tahanan politik di dalam ISA tetapi sebahagian besarnya penangkapan mereka di bawah peruntukan akta ini adalah di kalangan mereka yang dikategorikan pengganas.

"Oleh itu sekiranya tidak ada undang-undang yang menggantikan ISA bagaimana kita boleh menangani masalah pengganas sebagai contoh, kes-kes melibatkan aktiviti Jemaah Islamiyah (JI)," ujarnya.

Sementara itu **Datuk Zulkifli Noordin (Bebas-Kulim Bandar Baharu)** ketika mencelah berkata, ucapan Anwar mengenai rang undang-undang itu menampakkan putar belitnya berhubung soal ISA.

"Di zaman 'Permatang Pauh' di dalam kerajaan, ISA telah digunakan begitu berleluasa. Antara yang pernah ditahan pada zamannya (Ahli Parlimen) Pokok Sena (Datuk Mahfuz Omar). Beliau ditahan pada zaman 'Permatang Pauh'.

"Pokok Sena tidak mungkin lupa apa ucapan yang dibuat pada masa itu. Apa yang beliau tidak maki Permatang Pauh ketika itu. Sebenarnya Permatang Pauh mengamalkan politik putar belit, politik dua alam," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_02.htm